



ZAINUDIN SALEH

Siren jadi penyelamat

SUNGGUHPUN **Zainudin Saleh**, 48, baru berusia enam tahun ketika banjir besar melanda ibu negara pada Januari 1971, dia mengakui masih mengingati kejadian itu walaupun samar-samar.

Kampung Datuk Keramat yang menjadi tempat kelahirannya itu antara kawasan teruk dilanda banjir selain Kampung Baru, Kampung Paya, Kampung Abdullah Hukum dan Kampung Bahagia.

Katanya, siren amaran banjir di Sungai Klang menjadi penyelamat kepada orang ramai.

“Jika tiada siren amaran mungkin kesan lebih buruk kerana banjir berlaku tengah malam.

“Bunyi siren amaran banjir membolehkan penduduk menyelamatkan diri dan harta benda termasuklah bapa saya yang mengusahakan kedai runcit.

“Disebabkan kami tinggal di rumah dua tingkat, bapa saya sempat menyelamatkan sebahagian barang-barang jualannya ke atas rumah,” katanya ketika ditemui di Pasar Datuk Keramat, Kuala Lumpur baru-baru ini.

Walaupun tiada nyawa terkorban di kampungnya itu, dia masih mengingati bahawa terdapat sebuah jambatan kayu yang menghubungkan antara Kampung Bumiputra dengan Datuk Keramat turut roboh dalam kejadian banjir itu.